

# PTAR IQRA'

"LIBRARY for ALL"

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 08 /2015 | Ogos | [www.library.uitm.edu.my](http://www.library.uitm.edu.my)

## warna warni Aidilfitri Di PTAR Disambut Meriah

**Shah Alam, 3 Ogos 2015** – Lebih 200 orang menghadiri Majlis sambutan hari raya Aidil Fitri PTAR 2015 anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama yang telah di adakan di Aras 1, PTAR di sini hari ini. Majlis yang bertemakan '**'Warna-Warni Aidilfitri'** ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan mengukuhkan kerjasama dalam kalangan kakitangan PTAR samada yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara.



Berlangsung dari pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang, majlis sebelum itu dirasmikan oleh Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan dengan turut dihadiri oleh mantan-mantan ketua pustakawan, pesara PUiTM, Pegawai Perhubungan Perpustakaan Fakulti dan kakitangan PTAR daripada seluruh kampus di Shah Alam.

Ketua pustakawan PUiTM berkata dalam ucapan perasmianya melahirkan kesyukuran dan menyeru agar memperkasakan hubungan persaudaraan dengan ikatan kasih sayang di antara warga PTAR samada yang telah pun bersara mahupun yang masih berkhidmat kerana ia adalah asas kekuatan dan kejayaan di dalam sebuah organisasi serta menutup segala ruang perpecahan.

Beliau juga menambah dengan mengucapkan penghargaan dan berterima kasih kepada semua jawatankuasa staf PTAR di atas segala usaha mengumpulkan para pesara PUiTM ini agar majlis hari raya ini dapat berjalan dengan lancar.

"Dalam sambutan majlis hari raya ini, saya bersyukur dengan kehadiran mantan-mantan Ketua Pustakawan dan bekas warga kerja PTAR, saya amat berharap pengalaman yang diperolehi mereka dapat dikongsi bersama dan didokumentasikan dalam memori oral history dalam masa yang terdekat" katanya lagi ketika membicarakan tentang kehadiran bekas warga kerja PTAR ini. Turut dimeriahkan lagi bersempena dengan majlis Warna Warni Aidilfitri PTAR 2015 ini ialah dengan penyediaan juadah istimewa daripada pelbagai jabatan yang terdapat di PTAR ini.

## SIDANG REDAKSI

Idea, Konsep dan Terbitan  
Unit Penerbitan, Bahagian  
Kompetensi dan Korporat,  
PTAR

**Penasihat**  
En. Noor Hidayat Adnan  
**Editor**  
En. Jamalludin Sulaiman  
**Pengurus Produksi**  
Pn. Nor Azwani Mohamad

**Wartawan**  
En. Nik Lokman Nik Ismail  
Pn. Nor Azwani Mohamad  
**Edaran**  
Pn. Munirah Mohamad Izzan  
**Foto**  
Pn. Rostinah Mujir

**Grafik**  
Cik Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin  
**Penyumbang Artikel**  
En. Hazrul Amir Tomyang  
Pn. Wan Norizan Binti Wan Mansor

Antara juadah yang disediakan adalah rendang, ketupat, satay, char kuey teow, spaghetti goreng, lemang, buah-buahan dan berbagai lagi.

Beberapa acara menarik telah diadakan bagi memeriahkan majlis sambutan hari raya ini antaranya cabutan bertuah, booth terbaik, klip video raya terbaik dan pakaian lelaki dan perempuan terbaik. Dalam pertandingan pakaian lelaki terbaik, Encik Mohd Farid bin Mohd Said dari Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak telah dipilih sebagai pemenang manakala dan bagi pakaian perempuan terbaik pula disandang oleh Puan Nor Azwani Mohamad dari Pejabat Ketua Pustakawan.

Sementara itu di dalam pertandingan klip video raya terbaik ia berpihak kepada Bahagian Perkhidmatan Akademik dan bagi pertandingan booth terbaik, Pejabat Ketua Pustakawan telah mengekalkan kemenangan bagi tahun kedua berturut-turut.



## MAKMAL PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN

Makmal ini bertujuan untuk membangunkan perancangan strategik Perpustakaan UiTM yang meliputi 41 buah Perpustakaan. Hasil bengkel ini akan menghasilkan projek insiatif yang bakal dijalankan bagi tempoh 5 tahun iaitu 2016 hingga 2020.

Di samping itu, ianya bertujuan untuk memperkuatkannya operasi dan prestasi perkhidmatan PUiTM yang strategik berdasarkan hala tuju, visi dan misi universiti seperti yang digariskan di dalam RMKe 11 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

### Objektif

1. Merangka objektif strategik dan Pelan Perancangan Strategik PUiTM bagi tempoh tahun 2016-2020
2. Mengenalpasti isu dan cabaran, kekuatan, kelemahan, peluang dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan strategi dan inisiatif baru untuk RMKe 11
3. Menganalisis kehendak dan persekitaran semasa pelanggan dan stakeholders
4. Merangka strategi-strategi yang sesuai melalui langkah mengoptimum dan memantapkan kekuatan serta membuat penambahbaikan ke atas kelemahan dalaman
5. Merangka kaedah pengukuran pencapaian menerusi petunjuk prestasi



# Bengkel How To Publish An Article Bersama SAGE

Disediakan oleh : Encik Hazrul Amir Tomyang

Bahagian Perkhidmatan Akademik Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama dengan kerjasama Institute of Research Management and Innovation (IRMI), UiTM dan penerbit Sage telah berjaya menganjurkan bengkel berjudul How To Publish An Article pada 19 Ogos 2015 bertempat di Auditorium Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 76 orang peserta terdiri dari para penyelidik, kakitangan akademik, pelajar pasca siswazah dan pustakawan PTAR. Taklimat yang disampaikan oleh Cik Rosalia Da Garcia dari pihak Sage selama 3 jam 30 minit ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.



Melalui perkongsian ini, para peserta telah didedahkan dengan maklumat dan tips tentang cara yang berkesan untuk menghasilkan dan menerbitkan artikel. Penceramah juga telah berkongsi cara memilih jurnal-jurnal yang sesuai untuk tujuan penerbitan di samping memberi penerangan mengenai garis panduan penerbitan dari aspek penerbit. Beliau turut menyelitkan beberapa tip berguna untuk diikuti oleh para peserta supaya penulisan mereka mudah menarik perhatian penerbit sekaligus meningkatkan peluang ianya diterima untuk diterbitkan.

Adalah diharapkan bengkel ini dapat memberi inspirasi kepada para peserta tentang maklumat penerbitan jurnal dari sudut pandang penerbit. Berbekalkan maklumat berguna ini diharap dapat dimanfaatkan oleh para peserta untuk meningkatkan lagi jumlah penerbitan berwasit di UiTM.



## BENGKEL HOW TO BOOST YOUR RESEARCH EXPERIENCE WITH WEB OF SCIENCE MENARIK RAMAI PESERTA

Disediakan oleh : Encik Hazrul Amir Tomyang

Bahagian Perkhidmatan Akademik Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama dengan kerjasama Institute of Research Management and Innovation (IRMI), UiTM dan Thomson Reuters telah berjaya menganjurkan bengkel berjudul How To Boost Your Research Experience With Web Of Science pada 26 Ogos 2015 bertempat di Pusat IT Aras 2, Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama.

Penceramah iaitu En Wilson Tan dan Dr. See Diu Seng dari Thomson Reuters telah memberikan penerangan bagaimana pangkalan data ISI Web Of Science dapat membantu penyelidikan dan juga bagaimana cara penyediaan artikel yang baik. Para peserta kali ini adalah terdiri dari sejumlah 57 orang para penyelidik, pensyarah, pelajar pasca siswazah dan pustakawan.



En Wilson Tan telah menerangkan tentang bagaimana pangkalan data Web Of Science dapat membantu menjana idea-idea untuk penyelidikan dan menunjukkan cara mudah untuk mengurus rujukan dan petikan. Dr. See Diu Seng pula telah memberi penerangan tentang bagaimana proses editorial dijalankan oleh pihak penerbit. Maklumat-maklumat ini sangat bermanfaat dan boleh dijadikan panduan kepada penulis dalam penyediaan artikel mereka.

Bengkel ini dijalankan secara dua sesi iaitu pada sebelah pagi dan petang yang mana kedua-duanya mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.



# Bengkel Transliterasi Bahasa Arab - Rumi & Pengkatalogan Bahan Bahasa Arab

Disediakan oleh : Puan Wan Norizan binti Wan Mansor

Seramai 30 orang pensyarah dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM dan 14 orang Pustakawan Katalog PTAR telah menghadiri Bengkel Transliterasi Bahasa Arab - Rumi dan Pengkatalogan Bahan Bahasa Arab. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Katalog & Kelas, Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak (BPSB) PTAR dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM.

Tujuan bengkel adalah untuk membantu mempercepatkan pemprosesan bahan-bahan dalam Bahasa Arab untuk kegunaan pembelajaran dan pengajaran bagi program di ACIS dan Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM. Disamping membantu proses transliterasi bagi bahan Bahasa Arab Kepakaran dan penguasaan pensyarah dalam Bahasa Arab telah membantu melaksanakan proses transliterasi buku-buku Bahasa Arab ke rumi dengan mudah dan cepat.

Peserta telah diberikan taklimat oleh dua orang penceramah iaitu Dr. Mohd Asmadi Yakob dari ACIS dan Puan Masnida Hanim Che Mahmood, Pustakawan Unit Katalog & Kelas, BPSB PTAR. Bengkel pada 5-6 Ogos 2015, telah dihadiri oleh pensyarah ACIS dan pustakawan katalog, manakala pada hari ketiga, peserta adalah terdiri daripada pustakawan katalog dari PTAR serta Perpustakaan Fakulti termasuk Perpustakaan Puncak Alam, Perpustakaan Puncak Perdana dan Perpustakaan INTEC.

Bengkel selama 3 hari ternyata membawa hasil yang positif apabila sebanyak 817 naskhah daripada 1273 naskhah buku-buku Bahasa Arab telah berjaya diproses membuat transliterasi ke rumi. Seterusnya memudahkan pustakawan mengkatalog dan mengelas bahan tersebut.

Sekalung penghargaan kepada pihak ACIS terutamanya kepada Dekan ACIS, Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman yang telah memberi sokongan padu dan Dr Mohd Asmadi Yakob yang juga banyak memberi cetusan idea sehingga bengkel ini mencapai objektifnya. Begitu juga dengan komitmen dan dedikasi pensyarah ACIS yang telah bersama-sama turun padang dan sudi membantu pihak Perpustakaan sepanjang tempoh bengkel berlangsung. Adalah diharapkan kerjasama ini akan dapat diteruskan lagi di masa yang akan datang.



BENGKEL TRANSLITERASI BAHASA ARAB - RUMI DAN PENGKATALOGAN BAHAN BAHASA ARAB

TARIKH : 5-7 Ogos 2015



## DIARI PTAR Ogos 2015

S	M	T	W	T	F	S
						1
2	X	4	X	6	X	8
9	X	11	12	X	14	15
16	X	18	X	20	X	22
23	24	25	X	27	X	29
30	31					

### Sambutan Majlis Hari Raya PTAR 2015 03 Ogos 2015

Bengkel Transliterasi Arab-Rumi Dan Pengkatalogan Bahan Bahasa Arab PUiTM  
05 - 07 Ogos 2015

Bengkel Hands - On Sistem WILS Modul Serial dan Article Indexing  
05 - 06 Ogos 2015 & 10 - 13 Ogos 2015

Tazkirah Ogos 2015 : Faraid Menurut Islam  
14 Ogos 2015

Taklimat YaPEIM di PTAR  
14 Ogos 2015

Bengkel Hands - On Sistem WILS Modul Acquisition  
14 & 17 Ogos 2015

### Lawatan Penandaarasan UIAM ke PTAR 18 Ogos 2015

Makmal Perancangan Strategik Perpustakaan  
18 - 19 Ogos 2015

Bengkel How to publish an article by SAGE  
19 Ogos 2015

Bengkel "Boosting Your Research Experience With Web Of Science"  
26 Ogos 2015

Kursus Pemantapan Pengurusan Kaunter Perkhidmatan  
26 Ogos 2015

Lawatan daripada Delegasi Office of the Higher Education Commission (OHEC)  
28 Ogos 2015